



Isnin – 8 Februari 2021

Halaman : 9

Pasangan Orang Asli lari ditemui di pondok

Kota Bharu: Pasangan suami isteri Orang Asli yang menghilangkan diri daripada menjalani ujian saringan Covid-19 di Hospital Sultan Ismail Petra (HSIP) Kuala Krai pada 4 Februari, ditemui kelmarin.

Ketua Polis Kelantan Datuk Shafien Mamat berkata pasangan itu ditemukan selepas anggota daripada Balai Polis Laloh menerima maklumat daripada pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) mengenai pasangan berkenaan, jam 5.30 petang.

Beliau berkata, susulan maklumat diterima sepasukan anggota polis mengesan dan menemukan pasangan itu di pondok sekitar Sungai Sam, Gua Musang.

“Pasangan Orang Asli itu beri kerjasama baik kepada polis dan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk dibawa ke HSIP bagi menjalani ujian saringan Covid-19 seterusnya menjalani kuarantine sehingga keputusan diperoleh,” katanya, semalam.

Bernama sebelum ini melaporkan pasangan suami isteri Orang Asli yang berasal dari Pos Tohoi, Gua Musang itu menghilangkan diri ketika proses ujian saringan Covid-19, Khamis lalu.

Difahamkan, ujian saringan itu perlu dijalankan selepas anak perempuan mereka yang berusia 25 hari disahkan positif Covid-19.
- Bernama